



LESSON 3

Aktif – Pasif

Level 1 (KGN 3)

1. Dia rela menggadaikan maruah diri kerana wang.

2. Pak cik saya tidak harus menghabiskan masa tuanya dengan berehat.

3. Peneroka perlu mengait buah kelapa sawit yang sudah cukup tua.

4. Setiap pelajar perlu mengikuti atau menghadiri kursus jati hati.

5. Wakil rakyat perlu memikul dan menggalas segala tugas dengan penuh amanah.

6. Calon SPM tidak harus mengetepikan peraturan-peratursn peperiksaan

7. Gadis itu memandang saya tanpa mengerlipkan mata.

8. Beliau telah berjaya melontar peluru itu dengan baik.

9. Ibu bapa perlu mengawasi dan memantau kegiatan anak-anak.

10. Dia melafazkan kata-kata lucah kepada Ramalah.



Level 2 (KGN 1&2)

1. Aku akan mengecapi kebahagiaan hidup ini bersama-sama isteri tercinta.

2. Aku menatap keratan akhbar itu dengan penuh minat.

3. Anda perlu melengkapi borang permohonan itu dengan sempurna.

4. Kami tidak mampu menghalang dan menyekat kejadian jenayah yang berlaku.

5. Saya tidak tahu membaiki kereta yang rosak itu.

6. Saya mengenali semua rakan anak saya yang sekelas dengannya.

7. Kamu perlu meneliti dan mengkaji segala dokumen yang dilampirkan.

8. Kamu tidak patut menghina saya di depan orang ramai.

9. Saya akan menuai padi apabila tiba musim menuai.

10. Saya amat mencintai dan menyanyangi anda dengan sepenuh hati.
